

Pentadbir perlu ada idea, ikhlas

Oleh Manja Ismail dan Azamie Desa

IPOH, Rabu — Malaysia memerlukan pentadbiran yang mempunyai idea selain pemerintahan yang cekap, adil, jujur dan ikhlas untuk memastikan kemakmuran dan kestabilan negara berkekalan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, bagi menjamin kejayaan yang dicapai negara sekarang berterusan untuk dinikmati generasi akan datang, faktor kestabilan politik dan keharmonian kaum saja belum mencukupi.

"Untuk mencapai kejayaan, selain pemerintahan cekap dan adil, kita perlu pemerintahan yang betul-betul membawa kebaikan kepada rakyat, perlu kepada pentadbir yang cekap, jujur serta mempunyai idea.

"Kita juga perlu kepada pihak swasta yang pintar, mempunyai idea yang boleh membangunkan ekonomi negara. Kita perlu kepada orang profesional seperti doktor, peguam dan akauntan.

"Mereka diperlukan bukan kerana kebolehan semata-mata tetapi sikap mereka yang tidak merugikan negara," katanya ketika berucap di jamuan negeri bagi meraikan lawatannya ke Perak di Dewan Bandaran Ipoh, di sini malam ini.

Majlis itu dihadiri oleh pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN). Hadir sama ialah Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak seharusnya menganggap apa yang dicapai oleh negara sekarang berkekalan sehingga mereka lupa dan tidak berusaha untuk mencapai kejayaan.

Malaysia, katanya, menjadi negara contoh bukan semata-mata kerana berjaya mengekalkan kestabilan politik dan keharmonian kaum tetapi turut disebabkan kemampuan memerintah secara adil serta mengagihkan kekayaan negara dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, katanya, rakyat dan pemimpin perlu memperingatkan diri dari mana datangnya kejayaan itu serta jangan melakukan perkara yang merosakkan negara.

Menurutnya, banyak negara yang menjadi empayar di dunia sudah hilang kekuasaan, manakala negara pengasas empayar itu mundur kerana tidak berusaha mengekalkan kejayaan lalu.

"Sebabnya ialah mereka leka serta meninggalkan nilai yang membawa kejayaan. Nilai yang mulia dahulu tidak lagi dianggap mulia. Keluarga tidak lagi dihormati, tiada persahabatan yang bermakna dan sistem keluarga tidak berpanjangan.

"Kita juga akan menghadapi masalah yang sama jika tidak merendah diri dan berhati-hati serta tidak memperingati diri. Oleh itu, kita tidak seharusnya memikirkan diri sendiri saja tetapi masa depan anak cucu harus diingati," katanya.